

Lima capai kejayaan luar jangkaan: Mahathir

16 NOV 1991

Oleh WAN HAMIDIHAMID

LANGKAWI, Jumaat — Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1991 (Lima) menjadi kebanggaan negara kerana ia berjaya lebih daripada yang dijangkakan. kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau gembira kerana Lima berjaya dianjurkan berikutan usaha bersungguh-sungguh semua pihak, termasuk sumbangan kewangan kerajaan.

“Untuk mengadakan pertunjukan udara di Langkawi memang sukar tetapi kita berusaha supaya ia berjaya.

“Bahkan, pada pendapat saya, Lima ini lebih berjaya daripada yang kita jangkakan.” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada peminat di tapak pameran Lima di sini hari ini, iaitu hari terakhir pertunjukan itu yang diadakan sejak Isnin lalu.

Menurutnya, kerajaan tidak menganggap Lima sebagai sesuatu yang memberikeuntungan kepada penganjur sahaja kerana ia mencerminkan maruah negara, terutama menganjurkan pertunjukan bertaraf antarabangsa.

“Kita buat kali pertama menganjurkan satu pertunjukan luar biasa sedangkan tidak banyak negara membangun mampu mengadakan pertunjukan seperti ini.

“Yang saya tahu Singapura ada menganjurkan pertunjukan udara tetapi untuk mengadakannya di Malaysia bukanlah satu perkara mudah.” ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan pada mulanya bercadang menganjurkan pertunjukan udara pesawat kecil sahaja seperti jet persendirian dan kapal terbang domestik tanpa membabitkan jet pejuang atau kapal terbang penumpang besar.

“Tetapi dengan usaha pihak

penganjur yang mahu mengadakan pertunjukan seperti Paris Air Show, sambutannya begitu baik sekali.

“Jadi, kerajaan terpaksa meningkatkan perbelanjaan untuk mengadakan pertunjukan ini,” katanya.

Ditanya mengenai masalah pengurusan Lima, Perdana Menteri berkata, semua pihak harus belajar daripada pengalaman menganjurkan pertunjukan itu serta cuha mengatasi masalah.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ramai peserta pameran tidak hadir, walaupun dijemput, kerana tidak yakin dengan Lima yang dianjurkan buat kali pertama.

“Pada hakikatnya, dalam pertunjukan ini, peserta mencatatkan penjualan yang baik. termasuk kontrak pembelian tiga kapal terbang, iaitu satu dari China, satu dari British Northern Airliner dan jet BAE 800. Semua ini dijual dipameran Lima.” katanya.